

# FUCIDIN® H CREAM

Fusidic acid / Hydrocortisone acetate (20mg/g / 10 mg/g)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fucidin® H Cream
2. Bagaimana Fucidin® H Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Fucidin® H Cream
4. Cara menggunakan Fucidin® H Cream
5. Semasa menggunakan Fucidin® H Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fucidin® H Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Fucidin® H Cream

*Fucidin® H Cream* digunakan untuk rawatan dermatitis (biasanya dikenali sebagai ekzema, sejenis penyakit kulit dengan simptom seperti keradangan, kemerahan, kekeringan dan kegatalan kulit, yang kerap berpunca daripada alahan),

Anda mesti berbincang dengan doktor jika anda tidak berasa lebih baik atau jika anda berasa lebih teruk.

## Bagaimana Fucidin® H Cream berfungsi

*Fucidin® H Cream* menggabungkan tindakan anti-bakteria asid Fusidic (antibiotik) dengan fungsi anti-keradangan hydrocortisone asetat (kortikoid).

## Sebelum menggunakan Fucidin® H Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan *Fucidin® H Cream* :

- Jika niat anda adalah untuk merawat keadaan kulit yang disebabkan oleh batuk kering (tuberkulosis).
- Jika anda alah terhadap asid fusidic, hydrocortisone asetat atau bahan-bahan

lain dalam *Fucidin® H Cream*.

- Jika anda mempunyai jangkitan kulit terutamanya disebabkan oleh bakteria, kulat atau virus (seperti herpes atau varicella).
- Jika anda mempunyai keradangan kulit di sekeliling mulut.
- Jika anda mempunyai rosacea (curahan teruk pada kulit muka).

## *Mengandung dan menyusukan anak*

Jika anda hamil atau menyusukan anak, mengandung atau merancang untuk mempunyai bayi, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini.

Penggunaan semasa mengandung dan menyusuan perlu dinilai dan diputuskan oleh doktor.

*Fucidin® H Cream* harus digunakan dengan berhati-hati semasa mengandung.

Tiada bukti mencukupi yang menunjukkan penggunaannya adalah selamat dalam tempoh kehamilan manusia. Keselamatan di kalangan ibu-ibu belum diwujudkan. Kortikosteroid topikal tidak boleh digunakan pada payudara sebelum penyusuan.

### - Sebelum menggunakan Fucidin® H Cream

## Berhati-hati dengan penggunaan *Fucidin® H Cream*

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan *Fucidin® H Cream*

- *Fucidin® H Cream* hendaklah digunakan secara cermat apabila digunakan berhampiran mata. *Fucidin® H Cream* tidak boleh memasuki mata.

## Kanak-kanak

Berhati-hati dengan penggunaan *Fucidin® H Cream* untuk kanak-kanak.

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil ubat lain.

Maklumat penting tentang beberapa bahan-bahan dalam *Fucidin® H Cream*

*Fucidin® H Cream* mengandungi Butylhydroxyanisole (E320), cetyl alkohol dan kalium sorbate (E202). Bahan-bahan ini boleh menyebabkan reaksi kulit setempat (contohnya keradangan kulit melalui sentuhan). Butylhydroxyanisole juga boleh menyebabkan gangguan pada bahagian mata dan membran mukus (seperti rongga hidung dan bibir)

## Cara menggunakan Fucidin® H Cream

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan untuk kanak-kanak, remaja dan orang dewasa adalah:

- Berhati-hati semasa menyapukan satu lapisan nipis di kawasan kulit yang terjejas, tiga kali sehari.

Basuh tangan anda dengan cermat selepas menggunakan ubat ini, melainkan jika tangan anda adalah kawasan yang dirawat.

### - Bila perlu digunakan

Sentiasa gunakan ubat ini tepat sepertimana doktor anda telah beritahu anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ubat ini tidak boleh digunakan lebih daripada 7 hari jika tiada sebarang kesan klinikal.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim pada masa biasa, gunakan secepat mungkin dan teruskan seperti biasa.

# FUCIDIN® H CREAM

Fusidic acid / Hydrocortisone acetate (20mg/g / 10 mg/g)

## - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda telah menggunakan krim lebih daripada yang diperlukan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

## Semasa menggunakan Fucidin® H Cream

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi merawat anda bahawa anda mengambil Fucidin® H Cream. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Fucidin® H Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Terapi jangka panjang yang berterusan untuk bayi harus dilakukan kerana kekurangan adrenal mungkin berlaku.
- Ujian dadah : Atlet tidak dibenarkan menggunakan kortikosteroid, kecuali krim / salap / larutan steroid yang digunakan secara topikal . Jika apa-apa krim / salap / larutan digunakan, atlet perlu menulis satu notis (Sijil Perubatan) tentang perkara ini sebelum pertandingan bermula.

**Memandu dan menggunakan jentera**  
Rawatan dengan Fucidin® H Cream tidak seharusnya menjelaskan keupayaan untuk memandu dan menggunakan mesin.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Fucidin® H Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang biasa (menjejaskan 1 kepada 10 pengguna dalam 100)

- tindak balas pada tapak aplikasi (contoh kerengsaan kulit, kulit terbakar atau gatal-gatal)

Luar biasa (memberi kesan kurang daripada 1 dalam 100 orang)

- hipersensitiviti
- keradangan kulit
- gangguan ekzema
- ruam

Kesan sampingan lain yang disebabkan oleh rawatan kortikosteroid ringan yang berpanjangan seperti hydrocortisone termasuk:

- penipisan kulit
- keradangan kulit
- keregangan kulit (*striae*)
- dilatasi salur darah kecil pada kulit
- kemerahan muka yang berterusan (*rosacea*)
- kemerahan kulit (*erythema*)
- depigmentasi/kehilangan pigmen kulit
- pertumbuhan rambut berlebihan (*hypertrichosis*)
- peluh berlebihan
- kesan lebam
- tanda-tanda keletihan, kemurungan dan kebimbangan disebabkan oleh kekurangan fungsi adrenal yang menyebabkan kelenjar adrenal untuk berhenti berfungsi dengan betul
- menimbul komplikasi jika ubat digunakan terlalu dekat dengan mata (iaitu menaikkan tekanan intra-okular dan glaukoma)

Jika anda mendapat apa-apa kesan sampingan, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Fucidin® H Cream

### - Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Jangan gunakan selepas tarikh tamat tempoh, yang dinyatakan pada label selepas EXP. Ini tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.
- Untuk disimpan sehingga 3 tahun pada suhu bilik terkawal (15 °C - 25 °C).

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Fucidin® H adalah krim yang berwarna putih.  
Setiap pakej mengandungi tiub dengan 5g atau 15 gram krim.  
Bukan semua pek saiz dipasarkan

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif adalah asid fusidic dan hydrocortisone asetat. Setiap gram krim mengandungi 20 mg asid fusidic dan 10 mg hydrocortisone asetat.

# FUCIDIN® H CREAM

Fusidic acid / Hydrocortisone acetate (20mg/g / 10 mg/g)

---

- Bahan-bahan tidak aktif adalah butylhydroxyanisole (E320), cetyl alkohol, gliserol (85 peratus), parafin cecair, polysorbate, kalium sorbate (E202), polysorbate 60, parafin lembut putih, dan air yang ditapis.

- Nombor MAL

MAL20001028AZ

## Pengilang

LEO Laboratories Ltd  
285, Cashel Road, Crumlin, Dublin 12,  
Ireland

## Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd  
B-11-01, The Ascent, Paradigm  
No.1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya  
Petaling Jaya Selangor.

## Tarikh kemaskini RiMUP

09/11/2017

## Nombor Siri

BPFK(R4/1)110717/00169